

**SYARAT PERMOHONAN
ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSELOR (AFNC) 2025
KATEGORI PEMBANGUNAN PELAJAR**

Syarat Khusus:

1. Kategori Pembangunan Pelajar:
 - a) **Kumpulan Pengurusan dan Profesional Akademik**
Terdiri daripada kakitangan pengurusan dan profesional pegawai akademik
 - b) **Kumpulan Pengurusan dan Profesional Pentadbir**
Terdiri daripada kakitangan pengurusan dan profesional pegawai bukan akademik
 - c) **Kumpulan Pelaksana**
Terdiri daripada kakitangan pelaksana

Syarat-Syarat Umum:

1. Permohonan adalah terbuka kepada semua kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik dan Pentadbir) serta Kumpulan Pelaksana yang telah **berkhidmat sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun secara tetap atau kontrak** di Universiti Putra Malaysia dan mendapat sekurang-kurangnya **80% dalam tempoh tiga (3) tahun Penilaian Prestasi**.
2. Setiap Pusat Tanggungjawab perlu membentuk Jawatankuasa Khas bagi tujuan mendapatkan pencalonan yang berkaliber dalam kalangan ahli PTJ dan mengesahkan bukti pencapaian calon dan memenuhi kriteria anugerah.
3. Pencalonan dari Ketua-Ketua PTJ (Dekan atau Pengarah atau Pengetua) hendaklah **melalui Pegawai Penilai Pertama** seperti ditetapkan dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.
4. Permohonan individu hendaklah dikemukakan **melalui Ketua PTJ**.
5. Semua permohonan sama ada daripada Ketua PTJ atau individu hendaklah disahkan oleh Jawatankuasa Khas seperti **Perkara 2**. Template borang pengesahan boleh didapati dalam laman web Pejabat TNC(HEPA) - <https://tncheпа.upm.edu.my/>
6. Anugerah *Fellowship* Naib Canselor (Kategori Pembangunan Pelajar) dianugerahkan kepada pegawai hanya sekali dalam perkhidmatan.
7. Penilaian adalah berdasarkan kriteria dan pemberat yang telah ditetapkan mulai dari tempoh pegawai mula berkhidmat di UPM **sehingga 31 Disember 2025**.
8. Permohonan hendaklah menggunakan borang atas talian (*google form*).
9. Permohonan hendaklah dihantar sebelum **tarikh tutup iaitu 6 Mac 2026**. **Permohonan selepas tarikh ini adalah tidak diterima**.